

Hormati keputusan mahkamah

24 JAN 1992

KUALA LUMPUR, Khams — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Kerajaan Negeri Kelantan mematuhi keputusan Mahkamah Tinggi berhubung kedudukan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) bagi kawasan Sungai Pinang dan Limbongan.

"Itu keputusan mahkamah dan saya berpendapat kita semua harus menghormatinya," kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas perkara itu hari ini.

Mahkamah Tinggi di sini semalam mengisytiharkan Haji Nordin Salleh dan Haji Wan Mohd Najib Wan Mohamad, yang juga ahli Umno, ke-

kal sebagai Adun Sungai Pinang dan Limbongan.

Hakim, Datuk Haji Mohd Eusoff Chin juga memutuskan bahawa pilihanraya kecil kedua-dua kawasan itu pada 24 Ogos lalu, yang dimenangi calon Semangat 46 Haji Mahmud Yaakub dan Haji Samat Mamat, tidak sah.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, bagaimanapun berkata beliau menunggu keputusan Mahkamah Agung memandangkan Kerajaan Kelantan akan membuat rayuan kepada Mahkamah Agung.

Perdana Menteri bercajak kepada pemberita selepas mengunjungi rakan sejawatannya dari Viet-

nam Encik Vo Van Kiet bagi mengucapkan selamat jalan kepada Encik Keat yang menamatkan lawatan rasminya empat hari ke Malaysia.

Sementara itu, Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman menasihatkan semua pihak yang terabit dalam pertikaian mengenai kesahihan wakil rakyat Limbongan dan Sungai Pinang agar tidak membelakangkan keputusan mahkamah.

"Semua pihak hendaklah menghormati keputusan mahkamah kerana tiada seorang pun boleh membelakangkan keputusan itu," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Menteri Besar Selan-

gor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib juga berkata semua pihak harus menerima keputusan mahkamah.

"Kita perlu menghormati keputusan mahkamah dan ini menunjukkan bahawa kemasukan ahli Semangat 46 ke dalam Umno adalah sah, walaupun dalam pilihanraya kecil lalu kita lihat perubahan calon yang menang."

Katanya ketika ditemui di majlis jamuan makan malam anjuran Umno bahagian Petaling, malam ini.

Sementara itu, Dewan Undangan Negeri (Dun) Kelantan dan Speaker dewan, hari ini mengemukakan rayuan di Mahkamah Agung terhadap keputu-

san Datuk Haji Mohd Eusoff yang memutuskan Haji Nordin dan Haji Wan Mohd Najib kekal sebagai Adun Sungai Pinang dan Limbongan.

Notis rayuan itu dikemukakan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi, di sini, dengan menamakan Haji Nordin dan Haji Wan Mohd Najib defendan pertama dan kedua.

Kedua-dua plaintif mengemukakan rayuan di Mahkamah Agung kerana tidak berpuas hati terhadap keputusan Datuk Haji Mohd Eusoff mengenai isu itu yang memutuskan semalam bahawa kedua-dua defendan masih kekal Adun kawasan masing-masing.